

## **KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA BERHAD**

### **ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

#### **TAJUK**

1. Aturan ini dinamakan “**ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**” Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad.
2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 35 Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi pada 20 Jun 2009 dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

#### **TAFSIRAN**

3. Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-
  - (a) “Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 ;
  - (b) “Aturan” ertinya aturan Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi dan sebarang pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa ;
  - (c) “Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad ;
  - (d) “Pengira Undi” ertinya kakitangan ‘Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad’ atau perkhidmatan dari sumber luaran yang berkecuali.

#### **TUJUAN**

4. Tujuan aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 35 dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan Suruhanjaya ialah untuk-
  - (a) Aturan ini ialah untuk memilih Anggota Lembaga Koperasi di mesyuarat agung perwakilan tahunan.

#### **KELAYAKAN**

5. (1) Perwakilan yang memenuhi kelayakan boleh dipilih sebagai Anggota Lembaga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) telah menjadi anggota sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) bulan sebelum atau pada 31 Disember tahun sebelumnya;
  - (b) seorang Anggota Lembaga seperti yang dinyatakan di Undang-undang Kecil 26(10) atau seorang perwakilan yang telah dipilih semasa mesyuarat agung kawasan tahun berkenaan;
  - (c) mempunyai modal yuran sebanyak RM1,800.00 (Ringgit : Satu Ribu Lapan Ratus) ;
  - (d) mempunyai modal syer sebanyak RM400.00 (Ringgit: Empat Ratus);

- (e) telah menghadiri modul kursus wajib pendidikan dan latihan daripada IKMa sebagaimana kriteria layak dan sesuai yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi tujuan penentusahan ALK di bawah subseksyen 43(2) Akta 502;
- (f) dipilih mengikut cara yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil;
- (g) mematuhi Undang-undang Kecil 36.

#### **PERMOHONAN**

- 6. Penamaan untuk memenuhi kekosongan Anggota Lembaga dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Koperasi hendaklah dimajukan dan diterima oleh Setiausaha Koperasi dalam masa tidak kurang dari satu (1) bulan sebelum tarikh mesyuarat agung perwakilan tahunan.

#### **BORANG PENCALONAN**

- 7. Borang pencalonan tersebut hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna dan hendaklah dicadang oleh seorang perwakilan yang layak sebagai perwakilan mengikut Undang-undang Kecil Koperasi .

#### **PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA**

- 8. Pemilihan Anggota Lembaga hendaklah dilaksanakan di mesyuarat agung perwakilan tahunan secara undi sulit.

#### **PENGIRA UNDI**

- 9. (1) Pengira Undi hendaklah dilantik di kalangan kakitangan 'Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad' yang bertugas untuk mendaftar kehadiran atau dari perkhidmatan sumber luaran yang berkecuali dan menjadi saksi pengiraan undi secara digital dan merekodkan pengiraan undi.

#### **KELAYAKAN MENGUNDI**

- 10. Hanya perwakilan yang hadir sahaja layak mengundi. Seseorang perwakilan tidak boleh melantik wakil untuk hadir atau mengundi bagi pihaknya dalam suatu mesyuarat agung perwakilan.

#### **TEMPOH MENJADI ANGGOTA LEMBAGA**

- 11. (1) Satu pertiga daripada Anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan.

- (a) seseorang Anggota Lembaga hendaklah telah mengosongkan jawatan masing-masing sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun sebelum itu;
- (b) seseorang Anggota Lembaga yang telah berpindah tempat bekerja adalah dianggap masih menjadi Anggota Lembaga dari kawasan asalnya;

- (c) dipilih mengikut cara yang diperuntukkan didalam Undang-undang Kecil; dan
- (d) mematuhi Undang-undang Kecil 35,36 dan 37.

**ANGGOTA LEMBAGA SEBAGAI PERWAKILAN**

12. Seseorang Anggota Lembaga hendaklah:-

- (a) dianggap sebagai seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan yang diadakan;
- (b) menjadi seorang perwakilan dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan walaupun ia mengosongkan jawatan atau tidak dipilih sebagai Anggota Lembaga; dan
- (c) tempoh menjadi perwakilan adalah sehingga mesyuarat agung kawasan tahun berikutnya.

**PERTIKAIAN**

13. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 81 (1) Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada .....

( ..... )  
Pengerusi

( ..... )  
Setiausaha

( ..... )  
Bendahari